

Amaran krisis bekalan air

Pakar ramalkan
Malaysia bakal
berdepan
masalah air terawat

SHAH ALAM


Kerajaan digesa bersiap sedia menghadapi krisis bekalan air terawat yang dijangka berlaku tidak sampai 20 tahun lagi di Malaysia.

Malah pakar industri air memberi amaran harga komoditi itu bakal melonjak sehingga tiga kali ganda sekiranya punca-punca yang mendorong kepada krisis tersebut tidak ditangani dengan segera.

Pensyarah Jabatan Persekitaran dan Pekerja, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman meramalkan dalam tempoh tidak sampai 20 tahun lagi tarif air akan meningkat kepada RM4 berbanding RM1.38 bagi setiap 1,000 liter pada masa ini.

Tegasnya, empat faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan harga komoditi itu adalah peningkatan populasi rakyat, kemarau, tiada kesedaran terhadap penjimatan air dan sikap pemain industri yang memandang rendah terhadap isu pencemaran sungai.

"Kadar RM4 itu adalah kadar minimum. Kalau kita ada masa-



Sebelum air bersih sampai ke pili air pengguna, ia perlu melalui loji rawatan.

lah kekurangan air, mungkin harganya akan lebih meningkat. Sebabnya pada masa hadapan isu alam sekitar akan menjadi isu yang penting.

"Air juga akan jadi sama seperti minyak petrol. Kereta perlukan minyak untuk bergerak dan manusia perlukan air untuk hidup," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Justeru, kerajaan perlu memastikan komoditi air milik Malaysia diuruskan dengan cara yang efisien dan menguntungkan negara.

Beliau menjelaskan, walaupun Malaysia menerima purata hujan tahunan sebanyak 3,000mm setahun, namun ia bukan satu jaminan bahawa bekalan

air pada masa depan akan terus mencukupi terutamanya dalam tempoh 20 tahun akan datang.

"Ketika ini jumlah penduduk di Malaysia adalah melebihi 32 juta orang. Bayangkan dalam tempoh 10, 20 atau 50 tahun akan datang? Berapa jumlah dan kapasiti penggunaan air di Malaysia?"

"Pada ketika ini sahaja, purata seorang rakyat Malaysia menggunakan 226 liter air sehari, suatu tahap yang tertinggi

berbanding dengan penggunaan di semua negara jirannya," kata beliau.

Purata penggunaan air yang disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu 165 liter sehari bagi setiap individu.

Selain itu, katanya, sikap pemain industri yang mengambil jalan mudah melupakan sisa industri ke dalam sungai, misalnya kes pencemaran Sungai Kim Kim di Johor Bahru tahun lalu, memaksa kerajaan mengeluarkan belanja yang tinggi untuk mera-

Kerajaan perlu memastikan komoditi air milik Malaysia diuruskan dengan cara yang efisien dan menguntungkan negara."

wat semula sungai berkenaan.

Berkongsi pandangan sama, pakar kualiti air, Prof Dr Maketab Mohamed berkata, tarif air akan naik pada masa hadapan tetapi pada harga yang masih munasabah buat rakyat.

Katanya, perkara yang menjadi kebimbangan adalah faktor jangka masa panjang melibatkan kualiti air terutamanya yang disebabkan pembangunan dalam kawasan tadahan air dan pencemaran air mentah.

Sebagai contoh, katanya, pencemaran yang berlaku di Sungai Kuala Muda yang merupakan sumber air utama Pulau Pinang.

Pencemaran di Sungai Kuala Muda berlaku kerana terdapat pembinaan tapak pembuangan sampah haram yang terletak 30 meter dari Sungai Kuala Muda.

"Disebabkan pencemaran ini, ia akan menjadi faktor kenaikan tarif air. Bagaimanapun pada saya, kenaikan itu pada masih ini masih pada tahap yang tidak membebankan," katanya.

Ubah persepsi mengenai masalah air

SHAH ALAM - Orang ramai perlu mengubah persepsi bahawa Malaysia tidak akan berdepan dengan masalah air atas alasan kononnya negara memiliki sumber yang banyak.

Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi, Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, sebaliknya orang ramai perlu menyedari bahawa negara berdepan dengan krisis bekalan air terawat.

"Negara tidak berdepan dengan krisis sumber air kerana kita menerima purata taburan air yang tinggi.

"Cuma negara hanya mengalami krisis bekalan air terawat yang disebabkan faktor seperti pencemaran terhadap

sungai-sungai utama yang membekalkan air kepada pengguna," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Malah, katanya, pencemaran yang berlaku itu juga boleh menjadi faktor kepada peningkatan harga air terawat.

"Kita ada masalah air terawat iaitu air minum disebabkan pembangunan dan sebagainya. Sungai juga menerima kesan perubahan cuaca. Ada masa banyak air dan ada masa air kering," katanya.

Justeru, katanya, dalam tempoh jangka panjang bagi memastikan bekalan air terawat terus mencukupi, orang ramai perlu mempunyai kesedaran terhadap tahap penggunaan air.

JADUAL WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	6:18	7:37	1:35	4:56	7:30	8:42
ALOR SETAR	6:18	7:34	1:35	4:55	7:30	8:42
PULAU PINANG	6:17	7:34	1:35	4:56	7:31	8:43
IPOH	6:22	7:30	1:33	4:54	7:30	8:41
KOTA BHARU	6:14	7:29	1:28	4:48	7:23	8:31
KUALA TERENGGANU	6:14	7:24	1:24	4:44	7:20	8:32
KUANTAN	6:12	7:22	1:24	4:45	7:23	8:35
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	6:18	7:27	1:30	4:51	7:29	8:40
SHAH ALAM	6:18	7:26	1:30	4:51	7:29	8:40
SEREMBAN	6:15	7:26	1:28	4:49	7:28	8:39
BANDAR MELAKA	6:14	7:25	1:28	4:48	7:27	8:39
JOHOR BAHRU	6:07	7:18	1:21	4:42	7:22	8:33

Sumber dari portal www.e-solat.gov.my